

Sejuta siswa sertai UCTC

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

norrasyidah@bh.com.my

Serdang

Sejuta siswa institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) disasarkan akan menyertai Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) tahun depan.

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penyertaan terbabit turut dijadikan sebagai jumlah pengiraan jam kredit pelajar.

Katanya, pembabitan pelajar dalam program UCTC bukan hanya memberi kebaikan pada pelajar, malah turut memberi impak kepada keseluruhan masyarakat.

“Menyedari manfaat besar penubuhan UCTC, pelajar



IDRIS (tengah) mendengar penerangan mengenai tanaman dalam taman oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pemajuan Profesional UCTC, Prof Madya Dr Hâwa Jaafar. (kanan).

disaran untuk sentiasa mengikuti program dianjurkan kerana kesan besar akan diterima.

“Ini juga satu langkah mentransformasikan rakyat, sekali gus membentuk masyarakat yang berpotensi dan memberi kemajuan kepada negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan pelancaran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Peringkat Kebangsaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Timbalan Niab Canselor (Jaringan dan Industri Masyarakat) Prof Dr V Renuganth.

Penubuhan UCTC dimulakan awal tahun ini dengan tujuan menggembeng segala kepekaran di setiap IPTA, selain merangkumi aspek intelektual mahupun sumber supaya dapat dimanfaatkan segenap lapisan masyarakat.

Selain UPM, UCTC beroperasi di lima universiti lain iaitu Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya.

Mengulas lanjut, Idris berkata, Pejabat Jaringan dan Hubungan Industri Masyarakat Universiti akan menekankan lima inisiatif utama bagi memastikan kejayaan mekanisme pelaksanaan UCTC.